

NEGARA

UM 26 JUL

HANCUR

1982

DENGAN

2 IMAM

RAUB 25 Julai - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran bahawa negara akhirnya akan hancur jika umat Islam terus berpecah-belah dan membiarkan peristiwa sembahyang dua imam berleluasa.

Dalam hubungan ini Perdana Menteri mengecam kuat satu golongan Islam di negara ini yang sanggup memecahbelahkan perpaduan di kalangan umat kerana sifat tamak serta kepentingan politik mereka.

"Usaha golongan tersebut semakin hari semakin berjaya dan ini terbukti dari kejadian sembahyang Hari Raya dengan dua imam, seorang imam bertauliah dan seorang lagi imam parti di sebuah masjid di Besut, Terengganu", katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang juga Presiden UMNO berucap merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO bahagian Raub di sini hari ini.

Tegasnya, jika perbuatan sembahyang dua imam itu tidak disekat, ia akan merebak ke negeri-negeri lain di negara ini dan jika ini berlaku negara akan berpecah-belah dan akhirnya akan menghadapi kehancuran.

"Perbuatan itu adalah satu usaha yang amat buruk sekali yang bertujuan memecahbelahkan perpaduan di kalangan umat Islam", tegasnya.

Beliau menambah golongan yang tidak bertanggungjawab itu tidak mengendahkan langsung seruan kerajaan supaya rakyat bersyukur terhadap nikmat yang dilimpahkan oleh Tuhan yang membolehkan mereka hidup bahagia dalam keadaan aman dan damai.

Menurut beliau, golongan itu sebaliknya mengatakan bahawa keadaan aman dan damai yang dinikmati oleh rakyat dan negara sekarang bukan satu nikmat Tuhan.

Beliau berkata, menurut golongan itu peluang untuk mati syahid dalam

peperangan seperti yang dialami oleh rakyat Lebanon adalah nikmat Tuhan yang sebenar.

"Bagi orang-orang seperti ini saya menjemput mereka pergi ke Lebanon supaya mereka dapat peluang mati syahid."

"Malah mereka juga bolehlah membawa keluarga mereka bersamasama untuk ke Lebanon bagi mendapatkan peluang mati syahid itu", katanya.

Perdana Menteri berkata, golongan tersebut juga mendakwa bahawa perpaduan di kalangan umat Islam tidak perlu tetapi perpecahan umat dituntut oleh agama.

Tegasnya, ini membuktikan betapa golongan itu sanggup memutarbelitkan ajaran agama Islam kerana kepentingan politik serta sifat tamak mereka.

"Golongan inilah yang membawa perpecahan di kalangan umat Islam di negara ini", katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan UMNO harus memainkan perannya dalam memastikan bahawa kedudukan agama Islam di negara ini dipertahankan terus.